PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF

TARIKH : 6 MEI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 93

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hasil laporan terkini siasatan kes pesawat MH17.

NO. SOALAN: 93

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua siasatan kemalangan MH17 iaitu pertama, Siasatan Keselamatan (*Safety Investigations*) seperti mana yang perlu dijalankan di bawah peruntukan *Annex 13 Konvensyen International Civil Aviation Organisation (ICAO)* dan kedua, siasatan jenayah.

2. Siasatan keselamatan yang dijalankan di bawah Annex 13 ICAO menumpu pada aspek teknikal dan keselamatan dengan tujuan untuk mengelakkan insiden yang serupa daripada berulang pada masa hadapan. Pasukan siasatan tersebut diketuai oleh negara Belanda dan anggotanya terdiri daripada Malaysia, Ukraine, Rusia, Jerman, Amerika Syarikat dan United Kingdom. Laporan siasatan keselamatan Annex 13 ICAO telah diumumkan pada Oktober 2015 dan boleh dimuat turun di laman web rasmi Kementerian Pengangkutan.
(http://www.mot.gov.my/SiteCollectionImages/MH17/MH17.pdf)

3. Manakala siasatan jenayah berhubung nahas pesawat MH17 masih dijalankan oleh *Joint Investigation Team* (JIT) yang diterajui oleh Belanda dan dianggotai oleh Australia, Belgium, Malaysia dan Ukraine. Dalam hubungan ini, usaha untuk mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab dalam nahas pesawat MH17 dan seterusnya membuat pendakwaan nasional di Mahkamah Belanda adalah bergantung kepada hasil siasatan jenayah tersebut.

4. Siasatan jenayah tersebut perlu mendapatkan keterangan yang konklusif dan boleh dipercayai yang dapat dipertahankan dalam mahkamah menurut tatacara yang ditetapkan di bawah sistem perundangan Belanda. Beban pembuktian dalam kes jenayah adalah lebih berat dan dengan itu siasatan jenayah mengambil masa yang lebih lama.

5. Pada 24 Mei 2018, pasukan *JIT* telah mengumumkan hasil dapatan siasatan jenayah tragedi MH17 di mana sistem pertahanan BUK-TELAR daripada 53rd Anti Aircraft Missile Brigade yang digunakan untuk menembak jatuh pesawat MH17. Maklumata dan status terkini siasatan jenayah akan dapat dirujuk di laman web rasmi pihak berkuasa Belanda di https://www.om.nl/onderwerpen/mh17-crash/

6. Pada masa ini, penyiasatan tertumpu kepada usaha untuk mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab dalam nahas pesawat MH17. Malaysia bersama-sama negara-negara yang diwakili dalam JIT telah bersetuju untuk menyokong dan memberi komitmen sepenuhnya kepada negara Belanda yang telah dipilih untuk menjalankan pendakwaan nasional mengikut sistem perundangan negara tersebut melalui sebarang bentuk kerjasama termasuklah menandatangani MoU bagi meraih sokongan politik dan kewangan.

Sekian, terima kasih.